

## Norazlina Abd Jalil

---

**From:** Mohd Amerul Shafiz Bin Hasbullah <amerul@uum.edu.my>  
**Sent:** Wednesday, 13 May, 2020 12:51 PM  
**To:** norazlinaabdjalil@gmail.com  
**Subject:** FW: Pelajar Indonesia Gembira Dapat Pulang Ke Tanah Air

---

**From:** UUM CORPORATE COMM.  
**Sent:** 26 April 2020 13:40  
**To:** UUM - All Staff <uumnet@uum.edu.my>; UUM - All Students <studentnet@uum.edu.my>  
**Subject:** Pelajar Indonesia Gembira Dapat Pulang Ke Tanah Air



UUM Corporate Comm.  
**Universiti Utara Malaysia**

26 APRIL 2020 / 3 RAMADAN 1441H  
=====

"UUM : UNIVERSITI PENGURUSAN TERKEMUKA"  
(THE EMINENT MANAGEMENT UNIVERSITY)

Oleh: Siti Masyitah Che Ishak (Pelajar Pelatih dari SMMTC)

### PELAJAR INDONESIA GEMBIRA DAPAT PULANG KE TANAH AIR



**UUM ONLINE:** Kegembiraan jelas terpancar di wajah pelajar antarabangsa dari Indonesia kerana dapat pulang ke kampung halaman.

Pelajar tersebut dihantar pulang melalui Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA) hasil usaha UUM yang sentiasa menitikberatkan kebajikan pelajar.

Presiden Persatuan Pelajar Indonesia UUM, Fadhil Ramadhan berkata, dia bersama rakan-rakan telah selamat tiba di tanah air dan berjumpa dengan keluarga masing-masing.

Menurutnya, mereka berterima kasih kepada universiti dan staf yang terlibat menguruskan segala kemudahan sehingga mereka dapat pulang ke Indonesia.

“Kepada rakan-rakan yang masih berada dalam kampus, saya berharap supaya masing-masing dapat menjaga keselamatan diri bagi mengekang penyebaran Covid-19. Sentiasa selamat, sihat, duduk di rumah dan jangan berkumpul.

“Selain itu, selalu mengikuti garis panduan berkaitan sesi pengajaran dan pembelajaran daripada pensyarah sebelum memulakan sesi ini secara atas talian,” katanya.

Menceritakan mengenai kebajikan yang terjaga sepanjang Perintah Kawalan Pergerakan (PKP), pelajar Indonesia, Shamara Filma Saajidi melahirkan penghargaan terima kasih kepada UUM sepanjang tempoh tersebut.

“Saya ingin mengucapkan terima kasih kerana menjaga kami dengan memberikan makanan percuma selama menginap di dalam kampus.

“Universiti telah banyak membantu kami semua untuk pulang ke negara asal dengan menyediakan perkhidmatan bas untuk membawa beg dan barang-barang kami sehingga ke lapangan terbang,” katanya.

Kepulangan pelajar tersebut telah diuruskan Jabatan Hal Ehwal Pelajar dan Pusat Penginapan Pelajar (SAC) serta CIAC yang membantu mereka sehingga tiba di KLIA.



Please consider the environment before printing this e-mail



Universiti Utara Malaysia Official Website <http://www.uum.edu.my>

Disclaimer: This e-mail (including any attachments) may contain confidential information. If you are not the intended recipient, you are hereby notified that any review, distribution, printing, copying or use of this e-mail is strictly prohibited. If you have received this e-mail in error, please notify the sender or Universiti Utara Malaysia (UUM) immediately and delete the original message. Opinions, conclusions and other information in this e-mail that do not relate to the official business of UUM and/or its group of companies shall be understood as neither given nor endorsed by UUM and UUM accepts no responsibility for the same. All liability arising from or in connection with computer viruses and/or corrupted e-mails is excluded to the fullest extent permitted by law.